



## بدان کبجیکن دان سوکن جباتن اوکور برونی

**BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN UKUR BRUNEI**

JABATAN UKUR  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
BANDAR SERI BEGAWAN BB3510  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BAUKUR 2016-2018**

**MAC 2017**

BIL NO	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
1	HARI GIS SEDUNIA 2016	2
2	MAULIDUR RASUL 2016	3
3	PERTANDINGAN DIKIR SYARAFIL ANAM PERINGKAT KEMENTERIAN MOD	4
4	KEMERDEKAAN BRUNEI KE-33	5
5	PENGANUGERAHAAN PINGAT P.J.K DAN PINGAT P.I.K.B	6
6	KENAIKAN PANGKAT JAWATAN 2017	6
7	RENCANA KESIHATAN	7
8	AHLI TERTINGGI BAUKUR 2016 –2018	8

**BAUKUR 2016-2018**

**MS 1/8**



بدان کبجیکن دان سوکن جباتن اوکور برونی

BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN UKUR BRUNEI

JABATAN UKUR

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

## EDISI KE - 6 BAUKUR 2017

BAUKUR 2016-2018

MAC 2017



Photo :: Hari GIS

### HARI GIS SEDUNIA 2016

**MODTC:** Jabatan Ukur dengan kerjasama Syarikat ITIS Wescot Sdn Bhd dan Esri Singapore telah mengunyahkayahkan Hari GIS di Negara Brunei Darussalam pada 29-Nov 2016 bertempat di Dewan Bertabur, Kementerian Pembangunan.

Hari GIS Sedunia dibuat secara bengkel. Ianya bertujuan bagi pendedahan para peserta dalam mengurus, menyimpan dan mempamerkan data dalam bentuk GIS.

Sebanyak 32 jabatan kerajaan dari tujuh kementerian menghadiri bengkel yang dibahagikan kepada 4 sesi sahaja.

Bengkel tersebut memberi peluang dan pendedahan kepada setiap peserta untuk meneroka penggunaan GIS secara teknologi terkini yang menggunakan platform "cloud-based" yang boleh dibuat secara "online". Di antara maklumat disampaikan oleh penceramah adalah penggunaan peta secara online bagi peta Negara Brunei Darussalam.

Acara diakhiri dengan penyampaian sijil penghargaan kepada setiap peserta bengkel oleh Pemangku Penolong Juruukur Agung iaitu Pg Hj Hasnaliati binti PSJ Pg Hj Abd Momin selaku wakil Pemangku Juruukur Agung.

Seterusnya bergambar ramai bersama peserta yang menyertai Bengkel GIS. Semoga ilmu yang diperolehi dapat memberikan manfaat kepada peserta amnya.

Terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program Bengkel GIS Sedunia.



Photo :: Hari GIS

BAUKUR 2016-2018

MS 2/8



بدان کبجیکن دان سوکن جباتن اوکور برونی

BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN UKUR BRUNEI

JABATAN UKUR

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

## EDISI KE - 6 BAUKUR 2017

BAUKUR 2016-2018

MAC 2017



Photo :: Maulidur Rasul

### MAULIDUR RASUL 2016

**UKUR:** Setiap 12 Rabiulawal dalam bulan hijrah kalendar Islam merupakan sejarah bagi umat Islam dalam menyambut Majlis Maulidur Rasul bagi tahun 2016 yang bertemakan "Berwawasan yang Berkat dengan Bercontoh kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam". Acara seumpama ini diadakan setiap tahun dan disambut di keempat-empat daerah di Negara Brunei Darussalam.

Pada tahun 2016, Kementerian Pembangunan juga ikut serta dalam acara pertandingan, perhimpunan, perarakan dan pembarisan Majlis Sambutan Maulidur Rasul yang diketuai oleh Menteri Pembangunan, Ketua-Ketua Jabatan dan peserta dari Jabatan-jabatan dibawah kementerian pembangunan.

Pembabitan Jabatan Ukur adalah penyediaan makanan, minuman dan khemah bagi warga ukur yang turut serta dalam perarakan Maulidur Rasul yang diadakan di Bandar Seri Begawan yang diungkayahkan oleh Bahagian Geospatial Technology bersama Unit Sempadan Antara Bangsa.

Tahniah diatas kejayaan MOD bagi merangkul juara dalam kategori Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan bagi pertandingan, perhimpunan, perarakan dan pembarisan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Tahniah juga diucapkan kepada pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam menjayakan keperluan bagi acara Majlis Sambutan Maulidur Rasul untuk warga Ukur.



Photo :: Maulidur Rasul

BAUKUR 2016-2018

MS 3/8



بدان كبعجكن دان سوكن جباتن اوکور برونى

BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN UKUR BRUNEI

JABATAN UKUR

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

## EDISI KE - 6 BAUKUR 2017

BAUKUR 2016-2018

MAC 2017



Photo :: Dikir Syarafil Anam

### PERTANDINGAN DIKIR SYARAFIL ANAM PERINGKAT KEMENTERIAN MOD

**MODTC:** Pada 16 Rabiulawal 1438H bersamaan 14 Januari 2017, Pertandingan Dikir Syarafil Anam Sempena Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu A'laihi Wasallam Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan Dibawah Bagi Tahun 1438H/ 2016M.

Tetamu kehormat bagi majlis tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Bahrin Bin Abdullah, Menteri Pembangunan.

Majlis juga diselenggarakan dengan ceramah keagamaan sempena Sambutan Maulidur Rasul yang disampaikan oleh pegawai, Pusat Dakwah Islamiah.

Kumpulan Dikir Jabatan telah melalui acara saringan awal dengan membawa Dikir Lagu yang dipilih sendiri manakala peringkat akhir lagu ditetapkan secara undian.

Syukur Alhamdulillah dan syabas diatas kejayaan kumpulan Dikir Kategori Perempuan yang telah berjaya merangkul gelaran juara dan Kumpulan Dikir Kategori Lelaki ditempat kedua.



Photo :: Dikir Syarafil Anam

BAUKUR 2016-2018

MS 4/8



بدان کبجیکن دان سوکن جباتن اوکور برونی

BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN UKUR BRUNEI

JABATAN UKUR

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

## EDISI KE - 6 BAUKUR 2017

BAUKUR 2016-2018

MAC 2017



Photo :: Kemerdekaan Brunei

### KEMERDEKAAN BRUNEI KE-33

**BSB:** Pada tahun ini Hari Kebangsaan Ke-33 seluruh pelusuk Negara Brunei Darussalam meraikan hari kemerdekaan negara setiap pada 23 Februari. Seajar dengan bertema “Menjayakan Wawasan Negara” dimana penekanan secara holistik kepada semua lapisan rakyat terutama golongan belia bagi sama-sama memainkan peranan dalam merealisasikan Wawasan Negara 2035.

Latihan dan rapatai penuh telah dijalankan oleh peserta perbarisan yang ikut serta dalam Sambutan Hari Kebangsaan.

Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan Dibawahnya juga ikut serta dalam acara Sambutan Hari Kebangsaan yang diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin.

Sama-sama kita merenung dan menghayati “Kita perlu bertindak lebih tangkas bagi menghasilkan impak yang tinggi yang boleh menyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran negara” dalam petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Yang Di-Pertua Negara Brunei Darussalam sempena sambutan Hari Kebangsaan.

Sebagai anak watan Negara Brunei Darussalam kita harus bersyukur atas nikmat dan kurnianya Negara Brunei Darussalam aman, damai dan makmur.



Photo :: Kemerdekaan Brunei

BAUKUR 2016-2018

MS 5/8



بدان کبجیکن دان سوکن جباتن اوکور برونی

BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN UKUR BRUNEI

JABATAN UKUR

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

## EDISI KE - 6 BAUKUR 2017

BAUKUR 2016-2018

MAC 2017



Photo :: Penganugerahan Pingat



Photo :: Kenaikan Pangkat

### KENAIKAN PANGKAT JAWATAN 2017

**UKUR:** Jawatan Juruukur yang kosong kini telah diisi oleh pegawai Bahagian Geospatial Mapping iaitu Dayang Ainun binti Haji Abdul Rahman.

Penyampaian surat kenaikan pangkat bagi Dayang Ainun binti Haji Abdul Rahman telah disampaikan oleh Pemangku Juruukur Agung pada 25 Januari 2017. Dayang Ainun telah ditempatkan di Bahagian Geospatial Technology.

Seluruh warga Jabatan Ukur mengucapkan tahniah diatas kenaikan pangkat.

Semoga dengan kenaikan pangkat ini akan dapat menambahkan lagi semangat berusaha dengan lebih gigih serta berazam untuk mempertingkatkan lagi produktiviti , kredibiliti, iltizam dan disiplin.

### PENGANUGERAHAN PINGAT P.J.K DAN PINGAT P.I.K.B

**ISTANA NURUL IMAN:** Pada 3 Jamadilakhir bersamaan 2 Mac 2017, Berangkat mengurniakan Pingat-Pingat Negara iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wadaullah, Menteri Kanan Di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Istiadat Pengurniaan Pingat berlangsung di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman.

Tahniah penerima Pingat Jasa Kebaktian kepada Abd Aziz bin Dato Paduka Hj Abdullah dan tahniah penerima Pingat Indah Kerja Baik kepada Hjh Nona Lieza binti Hj Yahya, Abd Malik bin Hj Abdul Hamid, Hjh Zarinah binti Hj Gustin, Dk Suriani Lailawati binti Pg Hj Bungsu, Aisah binti Kamis dan Nooraini binti Hj Bakar.

Alhamdulillah diatas penganugerahan pingat kepada penerima-penerima pingat dan junjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia diatas titah perkenaan baginda menganugerahkan Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K) dan Pingat Indah Kerja Baik. (P.I.K.B)

Semoga dengan pengurniaan pingat akan memupuk kerja lebih bersemangat dan mempertingkatkan prestasi kerja, kualiti serta lutan dalam menjalankan sebarang tugas yang diberikan oleh ketua.

BAUKUR 2016-2018

MS 6/8



بدان کبجیکن دان سوکن جباتن اوکور برونی

BADAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN UKUR BRUNEI

JABATAN UKUR

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

## EDISI KE - 6 BAUKUR 2017

BAUKUR 2016-2018

MAC 2017

### BADAN BAUKUR ::

### AHLI TERTINGGI BAUKUR 2016 –2018

PENASIHAT	:	HJ ALI BAKAR BIN HJ KASIM
YANG DI PERTUA	:	PG HJH HASNALIATI BINTI PSJ PG HJ ABD MOMIN
NAIB YANG DI PERTUA	:	DK SITI SAIHALINA BINTI PG HJ IBRAHIM
PENGERUSI	:	NOR LIZA BINTI HJ MOHAMED DAUD
SETIAUSAHA AGUNG	:	HJH NONA LIEZA BINTI HJ YAHYA
TIMBALAN SETIAUSAHA AGUNG	:	PG MD NORHASHIMI PG HJ BUNGSU
PENOLONG SETIAUSAHA AGUNG	:	PG MASNAH BINTI PG HJ AHMAD
BENDAHARI AGUNG	:	NORHAZEMAH BINTI KALONG
TIMBALAN BENDAHARI AGUNG	:	HJH NURHAYATI BINTI HJ MUHD SAID
KETUA BAHAGIAN KEBAJIKAN	:	HJ MUHD AZRI BIN ABDULLAH EDONG
KETUA BAHAGIAN SOSIAL	:	HJH AIERNA BINTI HJ BAKAR
KETUA BAHAGIAN SUKAN	:	SUMARDI BIN MASTANI
KETUA BAHAGIAN UGAMA	:	PG HJ NORDIN BIN PG HJ AHMAD
AHLI	:	HJ HAMIDUN BIN HJ ISMAIL
	:	HJH MARLINASSURIWANIE BINTI ABDULLAH
	:	SITI NOOR RAMZIYAH BINTI NOOR
	:	HJH MAIMUNAH BINTI HJ OSMAN
	:	DK AZIANTY BINTI PG HJ OTHMAN

BAUKUR 2016-2018

MS 7/8

## EDISI KE - 6 BAUKUR 2016

BAUKUR 2016-2018

MAC 2017

### RENCANA :: KESIHATAN

**BROKOLI**



Brokoli yang dimasak dengan cara dikukus selama 3-4 menit akan mempertahankan nutrisi seperti senyawa anti-kanker sulforphane. Untuk membentuk sulforphane dibutuhkan enzim myrosinase. Jika brokoli dimasak dengan cara direbus justru akan menghancurkan myrosinase di dalam brokoli, dan senyawa sulforphane tidak bisa terbentuk.



**Makan Buah MERAH Untuk Jantung Sehat**

### LAICI

Mengandung Lycopene yang dapat membantu menurunkan resiko kanker dan penyakit jantung. Buah-buahan berwarna cerah sering juga mengandung kalium, vitamin A, vitamin C dan folat.



- Membantu untuk mengurangkan berat badan
- Membantu mengatasi masalah thyroid
- Mengurangkan tekanan
- Anti kedutan
- Mengandungi serat yang tinggi
- Menjaga kesihatan jantung
- Menghalang dari penyakit anaemia
- Mengekalkan kesihatan mata
- Menguatkan tulang
- Menambah kekuatan fikiran